

18 JUL 1998

Mahathir-Akhbar

JANGAN MENIRU MEDIA BARAT, KATA DR MAHATHIR

BANGI, 18 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, media tempatan tidak perlu meniru cara media Barat dalam membuat laporan berita.

Perdana Menteri berkata, pada masa ini akhbar di Barat lebih cenderung menarik minat pembaca dengan apa cara sekalipun tanpa mengambilkira kesannya terhadap masyarakat.

"Di Barat ada laporan berita dibuat tanpa mengambilkira moral dan kesannya terhadap masyarakat selain menjadikan pemberita terkenal dan akhbar itu popular."

"Banyak akhbar di Barat menumpukan berita yang menggerak nafsu manusia dengan cerita berunsur seks dan keganasan," katanya semasa berucap merasmikan "Sri Utusan", kompleks percetakan terbaru Utusan Melayu (Malaysia) Berhad di sini.

Dr Mahathir berkata kecenderungan ke arah berita-berita seumpama itu semakin meningkat dan malangnya media tempatan turut terpengaruh dan mengikut kecenderungan itu.

Perdana Menteri berkata tidak dinafikan akhbar mempunyai kuasa untuk mempengaruhi masyarakat.

Bagaimanapun, katanya ada akhbar yang menyalahgunakan kuasa itu untuk tujuan tertentu sehingga menyebabkan peranan membina oleh akhbar hilang dan masyarakat menjadi kucar-kacir.

"Sebenarnya kita tidak perlu tiru orang lain kerana mereka (barat) sudah maju dan perpecahan tidak akan menghancurkan negara mereka," katanya.

"Sebaliknya, sebagai sebuah negara membangun, Malaysia memerlukan usaha semua pihak untuk memajukan negara."

Dr Mahathir berkata akhbar di negara ini boleh menggunakan kuasa dan pengaruh mereka untuk membuat sesuatu yang baik bagi negara.

Kecenderungan untuk membuat laporan yang tidak berasas hanya akan memburukkan imej negara, katanya.

"Kita tidak mahu negara ini menyelindungi berita-berita yang benar tetapi hendaklah diimbangi dengan berita-berita yang boleh meningkatkan imej negara," katanya.

Beliau berkata, akhbar tempatan mempunyai kecenderungan membuat laporan buruk tentang negara sendiri tetapi tidak berminat membuat laporan yang sama mengenai negara lain sedangkan negara lain mempunyai lebih banyak masalah dan perbuatan yang tidak baik.

"Sebenarnya negara lain kerap kali lebih buruk daripada kita. Tetapi kerana kita yang memburukkan negara kita maka ianya menyebabkan kita sendiri terpedaya dan tertipu dengan laporan yang kita baca dan kita berasa kitalah yang kurang baik, bersalah dan sebagainya," kata beliau lagi.

Dr Mahathir mengingatkan bahawa sebenarnya Malaysia juga sebuah negara maju yang sedang mengejar kemajuan.

Sekiranya masyarakat di negara ini berpecah belah dan mempunyai masalah dalaman, negara tidak boleh menumpukan usaha pembangunan.

Dr Mahathir berharap dalam melatih pemberita baru, media tempatan hendaklah memberikan tumpuan kepada bukan sahaja cara-cara untuk mempopularkan tulisan tetapi juga mengenai tanggungjawab kepada masyarakat.

Beliau berkata, pendekatan yang digunakan berasaskan kepada pendedahan sesuatu perkara seperti yang digunakan oleh Barat memang akan memajukan akhbar tetapi bukan rakyat.

Tekanan kepada perkara sedemikian tidak akan membina negara, katanya.

Dr Mahathir dengan diiringi Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan, Tan Sri Kamarul Ariffin kemudian melawat kilang berharga RM110 juta itu yang terletak di atas tapak seluas 18,832 meter persegi.

Ia dilengkapi dengan peralatan berteknologi canggih dan berupaya mencetak 70,000 naskah akhbar sejam.

Perasmian kompleks itu adalah sempena perayaan ulang tahun ke 60 syarikat itu.

Ketika ditanya pemberita kemudiannya mengenai kecenderungan media melaporkan berita yang tidak baik, Dr Mahathir berkata daripada pemerhatiannya beliau mendapati akhbar tempatan mencari-cari berita yang tidak baik untuk dilaporkan.

"Itu yang saya perhatikan. Mungkin pemerhatian saya tidak kena. Tapi kita dapati bahawa kita mencari-cari benda yang buruk dalam negara dan kita laporkan ...," katanya.

Ketika ditanya sama ada semua media tempatan cenderung berbuat demikian, beliau berkata tidak semua tetapi terdapat sesetengah media di negara ini.

Kecenderungan itu nampak lebih jelas jika berbanding pada masa dulu.

"Nampaknya sekarang apabila kita berkata sesuatu yang positif mengenai kerajaan, kita melakukan jenayah. Jadi supaya dapat dipercayai, anda mesti terus kutuk kerajaan dan negara," katanya.

-- BERNAMA

HS PR